

## Yayasan UMP sasar RM3.5 juta penjualan nombor pendaftaran khas 'UC'



*ABDUL Aziz Abdul Rahman (empat, dari kiri) bersama rakan strategik yang bakal bekerjasama dalam meningkatkan kemajuan dan kemantapan universiti dan pelajar dalam majlis majlis perjanjian (MoA) di Kuantan, Pahang. - UTUSAN/ DIANA SURYA ABD WAHAB*

Oleh DIANA SURYA ABD WAHAB, 22 November 2021, 7:41 pm

KUANTAN: Yayasan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyasarkan kira-kira RM3.5 juta hasil penjualan nombor pendaftaran dengan siri khas 'UC' 1 sehingga 'UC' 9999 yang bakal dilancarkan Januari depan.

Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Tan Sri Dr. Abdul Aziz Abdul Rahman berkata, nombor pendaftaran khas tersebut mula ditawarkan kepada orang awam secara bidaan setelah selesai tempoh penwartaannya.

Menurut beliau, pelancaran nombor pendaftaran UC itu adalah bersempena sambutan ulang tahun UMP ke-20.

“Kita menyasarkan penjualan nombor pendaftaran mencapai sekurang-kurangnya RM3.5 juta dan proses bidaan itu dikendalikan syarikat yang dilantik iaitu Aquatwo Sdn. Bhd.

“Nombor pendaftaran dengan digit tunggal iaitu UC 1 hingga 9 akan dibida bermula dengan nilai bidaan RM200,000.

“Aquatwo bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengoperasi proses bidaan, pemasaran dan operasi jualan,” katanya dalam sidang akhbar selepas majlis perjanjian (MoA) antara Yayasan UMP dan Aquatwo di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Abdul Aziz yang juga Pengerusi Yayasan UMP berkata, perkara itu merupakan usaha universiti dalam mengumpul dana termasuk daripada orang ramai, syarikat dan institusi bagi kegunaan kebajikan pelajar UMP. – UTUSAN ONLINE